

UNTUK SIARAN SEGERA

MAKLUMAN PENTING

ANIH BERHAD SAHKAN KEJADIAN TANAH MENDAP DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - KARAK KM66.1

KUALA LUMPUR, 25 JULAI 2023 – ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) mengesahkan penutupan sebahagian Lebuhraya di kedua – dua arah disebabkan kejadian tanah mendap (sinkhole) berhampiran Plaza Tol Bentong di KM 66.1.

Semua pengguna yang ingin ke Kuala Lumpur dari Kuantan, diarahkan keluar di persimpangan Bentong Timur dan masuk semula di persimpangan Bentong Barat. Manakala, pengguna dari Kuala Lumpur yang ingin ke Kuantan akan dilencangkan ke persimpangan Central Spine Road (CSR).

Kenderaan yang menggunakan Central Spine Road (CSR) dari Pantai Timur boleh meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur. Namun begitu, pengguna dari Kuala Lumpur yang bertujuan ke Gua Musang perlu keluar di persimpangan Bentong Barat dan masuk semula melalui persimpangan CSR Bentong

Punca kejadian masih dalam siasatan dan pengguna dinasihati menggunakan laluan alternatif . Pada waktu siaran, pasukan teknikal ANIH Berhad LPT Ronda dan pihak polis sedang membantu mengarahkan kenderaan untuk menggunakan lengongan laluan alternatif yang disediakan.

ANIH Berhad sentiasa bersedia dan memberi jaminan kepada pengguna lebuhraya untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna lebuh raya kekal sebagai keutamaan. Pengguna lebuhraya dinasihati untuk mematuhi papan arah serta arahan petugas di lokasi.

Sila rujuk laman sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia/ANIH Berhad di Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik dan Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur untuk maklumat lebih lanjut, tepat dan terkini. Maklumat terkini juga boleh didapati dari Youtube @ANIH TV atau hubungi hotline LLM di 1800-88-7752 dan LPT - Line di 1-700- 818-700.

-TAMAT-

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT KUMPULAN

ANIH BERHAD

communications@mtdgroup.com.my